

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
(LPNM)

Oleh

NORANIDA BINTI MOKTHISMA
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Politeknik Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

0/3353



LI 49 FPE 1 2005



1100045462

Laporan akhir latihan industri di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia / Noranida Mokthsim.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1|1000454\$2

11000454\$2

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

Oleh

NORANIDA BINTI MOKTHSIM
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045462



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Noranida Binti Mokthsim (UK 8148)

Mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) , Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan

نورانیدا موكثسم.

Nama : Noranida Binti Mokthsim

Tarikh : 14 NOVEMBER 2005

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

RUZAINI SULAIMAN@ABDUL RAHIM

Pensyarah

Jabatan Pengajian Umum

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Kolej Universiti Terengganu

21030 Mengabang Teling

Kuala Terengganu.



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

BIODATA DIRI



NAMA : NORANIDA BINTI MOKTHSIM
TARIKH LAHIR : 07 JUN 1983
NO. KAD PENGENALAN : 830607-01-5552
ASAL : KOTA TINGGI, JOHOR.
ALAMAT TETAP : NO. 172, FELDA BKT. APING BARAT,
81900 KOTA TINGGI JOHOR,
JOHOR DARUL TAKZIM.
ALAMAT SEMASA : KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA, MENGABANG TELIPOT,
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU.
E-MAIL : nida_gemini83@yahoo.com



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh/ salam sejahtera

Syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan segala limpah kurnia dariNya serta selawat dan salam ke atas Nabi junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, Para Sahabat dan keluarga baginda kerana dapat saya menyiapkan buku laporan Latihan Industri ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Latihan Industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang mewajibkan pelajar-pelajar di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi untuk menjalani latihan praktikum di sektor kerajaan dan sektor swasta. Peluang yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman saya dalam dunia pekerjaan yang sebenar.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) iaitu En. Rahmat bin Mustaffa yang sudi menerima saya untuk menjalani latihan praktikum selama 12 minggu di LPNM. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia pelajar praktikum LPNM iaitu Pn. Jamaliah bt Laham dan En. Hisham bin Mohd Salleh yang sudi memberi tunjuk ajar dan garis panduan kepada saya semasa menjalani latihan praktikum di LPNM. Banyak pengetahuan yang saya peroleh di samping pengalaman bekerja di bawah bimbingan pengarah dan pegawai yang berdedikasi dan disanjungi. Berbanyak terima kasih juga ditujukan kepada seluruh kakitangan LPNM yang sudi membantu dan bekerjasama dengan saya sepanjang saya menjalani latihan praktikum di tempat mereka.



LAPORAN LATIHAN INDUSTRI
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Kustom iaitu Pn. Ruzaini bt Sulaiman @ Abd.Rahim yang sudi meluangkan masa beliau untuk meninjau keadaan saya semasa menjalani latihan praktikum di LPNM. Segala tunjuk ajar yang diberikan dapat membantu saya menyiapkan laporan latihan industri ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa serta seisi keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang saya menjalani latihan praktikum di LPNM. Sokongan dan dorongan yang diberikan oleh mereka memberikan suntikan semangat kepada saya untuk berusaha gigih semasa menjalani latihan praktikum.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan tugas menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Jasa dan pengorbanan kalian akan saya kenang selamanya.

Sekian.

Yang Benar,

.....

(Noranida Binti Mokthsim)

SMP(Polisi dan Sekitaran Sosial)



RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajarnya Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Ini bermakna Latihan industri ini merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pegurusan Dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial. Tujuan latihan industri ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerja yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang terdapat dalam organisasi dan persekitarannya sama ada jabatan swasta, badan berkanun atau pun kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para Pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya, dan sebagainya. Selain itu Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Pelatih telah menjalani latihan industri di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi tempoh 12 minggu bermula dari 20 Mac 2005 hingga 12 Jun 2005 dan ditempatkan di bahagian Pentadbiran/Kewangan dan di bawah penyelia industri Pn. Jamaliah Bt Laham.

OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

- i. Untuk mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar.
- ii. Untuk membantu pelajar dalam merealisasi dan memperkembangkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan dalam persekitaran bekerja.
- iii. Untuk menggalakkan pelajar memahami kepentingan pembelajaran berterusan.
- iv. Untuk membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran akademik yang telah dipelajari sepanjang pengajian mereka.
- v. Untuk memberi ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal graduan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).